



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

## Pemimpin-pemimpin Melayu

Penuntut P.R. Puad Klang bertanya:

Apakah sebabnya pemimpin-pemimpin Melayu dari segala pertubuhan tidak mahu bersatu untuk melaksanakan citanya? Adakah oleh kerana mereka kekurangan ilmu, atau adakah mereka tiada mahu kemerdekaan nusa dan bangsanya, watan dan agamanya dengan secara halal, damai dan aman? Tolonglah beri jawapannya di ruangan tuan.

Jawab: Sungguhpun pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan Melayu mempunyai cita-cita yang sama tetapi pandangan mereka berkenaan dengan cara mencapai cita-cita itu harus berlainan; dan lagi kepercayaan mereka berkenaan dengan perkara-perkara yang mustahak harus berlainan, oleh itulah agaknya mereka tak dapat bersatu. Pemimpin-pemimpin harus tidak kekurangan ilmu, dan pemimpin-pemimpin tentu suka merdeka, tetapi pemimpin-pemimpin kerap kali mempunyai kepercayaan sendiri dan dasar sendiri dan dengan demikian tak dapat bersatu.

\*

## Sembahyang Hari Raya di Padang

i. Ahmad bin Haji Ismail guru agama, Paya Ara Kerdau Mentakab Pahang, bertanya:

Adakah harus mendirikan sembahyang hari raya di padang dengan berjemaah? Ada setengah puak mengatakan cara yang demikian ialah suatu bida'ah qabihah. Harap mendapat penjelasan di dalam majalah Qalam.

Jawab: Mendirikan sembahyang aidiladha atau Aidilfitri di padang adalah suatu perbuatan sunat yang pernah Bahkan berkali-kali – dikerjakan oleh Rasulullah shallā Allāh 'alaihi was allam semasa hayatnya.

Betul, alam ulama ada ikhtilaf tentang yang mana lebih

afdal, sembahyang di padang atau di masjid. Imam Malik mengatakan sembahyang di padang lebih afdal kerana berpandu kepada perbuatan nabi yang sentiasa mengerjakan sembahyang aid di padang, manakala Imam Shafi'ī dan lainnya, mengatakan lebih afdal sembahyang di masjid, kerana ia memandangkan hikmatnya ialah bergantung kepada luas dan sempitnya sesebuah masjid, kalau masjid sesebuah



*Masjid yang indah ini ialah masjid Bandar "Suria" Brunei.*

*Yang telah didirikan oleh syarikat minyak sebagai persembahan kepada*

*Sultan Brunei.*

kampung boleh muat penduduk di situ eloklah sembahyang di masjid, kalau tidak – yakni kalau orang lebih ramai dan masjid tak muat maka eloklah sembahyang di padang.

Pendeknya boleh sembahyang di padang atau di masjid kerana Nabi pernah sembahyang hari raya pada keduanya menurut keadaan dan sebab yang menghendaki baginda berbuat demikian.

\*

### Berjabat Tangan

i. Muhammad ‘Alī bin Muhammad Zin, Kuala Besut

Terengganu, bertanya: Bilakah waktu dikehendaki oleh syarak berjabat tangan (*muṣāfahah*) dan bagaimana hukum berjabat tangan lepas sembahyang Jumaat, sembahyang hari raya, dan pada hari raya dengan jiran sekampung.

Jawab: Berjabat tangan atau bersalam-salaman adalah digemari oleh syara’ kerana menambahkan perasaan kasih mesra di antara seorang dengan lainnya.

Apatahlagi junjungan kita (SAW) bersabda menggalakkan umatnya kepada bermusafahah atau bersalam-salaman:

“*Tuṣāḥḥifū yadhhab al-ghul ‘an qalūbukum*” (R. Ibn ‘Adī).


“Berjabat tanganlah kamu, nescaya hilang perasaan dendam dari hati kamu”.

Masanya, boleh dilakukan pada tiap-tiap waktu yang munasabah, baik ketika berjumpa antara satu dengan lain, atau lepas sembahyang berjemaah, meliputi sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat atau sembahyang hari raya yang lazimnya menjadi hari bermaaf-maafan.

\*

### Tujuh Keturunan?

i. Uthman Husin, Teluk Air Singapura bertanya: Bagaimana hukumnya orang Kristian masuk agama Islam, ada orang mengatakan tidak sah Islamnya melainkan setelah



*Al-'alāmah al-Shaykh Muḥammad Muṣṭafā al-Marāghī ulama Mesir yang kebilangan. Dalam masa hayatnya pernah menjadi ketua Universiti Azhar.*

tujuh keturunan?

Jawab: Faham yang demikian adalah karut. Beribu-ribu orang Kristian di Eropah, di Amerika dan di mana-mana jua pun semenjak dahulu hingga sekarang telah memeluk Islam dan menjadi sebahagian daripada umat Islam.

Dalam zaman Nabi sendiri bukan sedikit orang Kristian yang telah memeluk Islam, di antaranya Ṣahīb al-Rūmī (bangsa Rom) sahabat Nabi yang terkenal.